

### FACTOR THAT INFLUENCE STUDENTS TO BE INVOLVED IN LGBT ACTIVITIES AT PUBLIC HIGHER EDUCATION INSTITUTIONS IN KLANG VALLEY

### FAKTOR PENGARUHI MAHASISWA TERLIBAT DALAM LGBT DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM DI LEMBAH KLANG

Noremy Md Akhir<sup>1</sup>, Fadzilah Abdullah<sup>2</sup> & Mohammad Rahim Kamaluddin<sup>3</sup>

<sup>1</sup> (Corresponding author), Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, noremy@ukm.edu.my

<sup>2</sup> Pelajar, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, abdullahfadzilah69@gmail.com

<sup>3</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, rahimk@ukm.edu.my

**Vol. 6. No. 2**  
**Special Edition**  
**(SKESA) 2019**

#### **Abstract**

*Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender (LGBT) are group of individuals who exhibit behaviour which oppose societal norms as well as Islamic religious practices. However, this LGBT group seems to be increasingly active and the rate of involvement is alarming. This is more worrying as students who study in Public Higher Education Institutions are also involved in LGBT activities. With this in mind, the current study aims to explore the factors that influence students to be involved in LGBT activities. The present study employs a qualitative research design using a phenomenological approach. Five (5) informants from Public Higher Education Institutions who self-claimed as LGBT individuals were recruited in this study using a snow ball sampling technique for in-depth interview sessions using open-ended questions. Later, the qualitative data were analysed using thematic analysis. The results showed that there are nine (9) factors underlie the involvement of students in LGBT such as natural personality, the role of sexual orientation during childhood, material support, addiction caused by experiencing sexual harassment, peer influence, lack of attention and control by the parents, lack of religious education and Islamic teaching, loneliness and also to fulfill high sexual desire. The findings from this study are expected to assist the relevant professional individuals such as social workers, counselors, psychologists as well as other helping professions to understand the factors that influence students to be involved in LGBT activities. Hence, it helps to formulate appropriate interventions to curb the involvement in LGBT activities as an effort to ensure the well-being of individuals, families, communities and country.*

Keywords: *LGBT, Education, Institutions, Religious, Students.*

#### **Abstrak**

*Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) merupakan golongan yang berperilaku songsang dan salah dari segi norma masyarakat*

mahupun dari sudut agama Islam. Namun begitu, golongan LGBT ini semakin giat dan aktif berkembang dalam masyarakat kita hari ini. Perkara yang lebih membimbangkan adalah apabila golongan ini terdiri daripada mereka yang sedang menuntut di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Oleh itu, objektif kajian ini dijalankan adalah untuk meneroka faktor mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) terlibat dalam LGBT. Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kajian kualitatif dengan menggunakan fenomenologi sebagai reka bentuk kajian. Lima (5) orang informan yang terdiri daripada mahasiswa IPTA yang terlibat dalam LGBT dipilih menggunakan teknik persampelan bola salji (*snow ball sampling*) telah ditemu bual secara mendalam menggunakan panduan soalan separa struktur. Data yang diperolehi kemudiannya dianalisis menggunakan teknik analisis tematik. Hasil kajian mendapati terdapat sembilan (9) faktor yang mempengaruhi penglibatan mahasiswa IPTA dalam LGBT iaitu personaliti semulajadi, orientasi peranan seksualiti semasa kecil, sokongan material, ketagihan kesan pengalaman mengalami gangguan seksual, pengaruh rakan sejenis, kurang perhatian dan kawalan ibu bapa, kurang kefahaman ilmu agama dan akhlak Islamiah, faktor kesunyian dan bagi memenuhi keinginan seksual yang tinggi. Dapatan yang diperolehi dari kajian ini diharap akan dapat membantu profesion menolong yang berkaitan seperti pekerja sosial, kanselor dan psikologis untuk memahami punca dan faktor mereka terlibat dalam LGBT dan seterusnya merangka intervensi yang bersesuaian untuk mencegah gejala LGBT ini bagi menjamin kesejahteraan individu, keluarga, masyarakat dan negara .

Kata kunci: LGBT, Pengajian, Institut, Agama, Mahasiswa.

## PENDAHULUAN

Sejak tahun 1973, homoseksualiti didaftarkan di dalam *Diagnostic and Statistical Manual II* (DSM-II) sebagai salah satu penyakit mental. Begitu juga dengan Pertubuhan Kesihatan Sedunia pada tahun 1990 juga telah meletakkan transgender sebagai individu yang mempunyai masalah kecelaruan mental.

Sungguhpun begitu, setelah beberapa kajian yang dijalankan mendapati bahawa terdapat banyak fakta yang bercanggah tentang homoseksualiti ini sehingga pada tahun 2013 "*Gender Identity Disorder*" telah dibuang oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai bukan lagi salah satu penyakit mental dalam DSM-5 (Russo, 2017).

Pada umumnya, terma Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) melibatkan dua kelompok di mana golongan lesbian, gay dan biseksual adalah berkaitan dengan orientasi seks secara songsang dan dikaitkan dengan

aktiviti negatif dalam kehidupan mereka. Manakala transgender pula melibatkan kecelaruan pemikiran individu tentang identiti jantina diri mereka sendiri (Suhazeli Abdullah, 2018).

Walau bagaimanapun, perlakuan dan tingkah laku kedua-dua kelompok ini adalah meruntuhkan akhlak serta bercanggah dengan norma masyarakat dan salah dari sudut pandangan Islam. Dalam al-Quran ada menyatakan dengan jelas bahawa hubungan sejenis ini dilarang sama sekali.

Firman Allah S.W.T. dalam al-Quran yang bermaksud, "*Sesungguhnya kalian mendatangi lelaki untuk melepaskan nafsu kalian (kepada mereka), bukan kepada wanita, malah kalian ini adalah kaum yang melampaui batas*" (al Quran. Al-A'raf: 81).

Malah isu ini juga ada ditegur dan diberi amaran dalam al-Quran. Firman Allah S.W.T yang bermaksud: "*Patutkah kamu melakukan hubungan sejenis dengan lelaki dari kalangan manusia. Dan*

kamu tinggalkan apa yang diciptakan oleh Tuhan kamu untuk kamu (melakukan hubungan yang halal) dari badan isteri-isteri kamu? (kamu orang-orang yang bersalah) bahkan kamu adalah kaum yang melampaui batas (keinginan kebanyakan haiwan)” (al-Quran. Al-Shu'ara': 165-166).

Islam melarang keras hubungan seks di luar tabii ini pasti ada sebabnya dan ia tidak pernah bercanggah dengan sains dan ternyata dari sudut kesihatan, tingkah laku homoseksual yang dijalankan adalah berisiko kepada virus HIV yang mengundang AIDS.

Berdasarkan laporan Sektor HIV/STI (*Sexually Transmitted Infections*), Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan, sebanyak 1,697 individu mengamalkan tabiat seks songsang seperti homoseksual dan biseksual di mana sebahagian daripada 3,347 kes HIV baharu dicatatkan pada 2017.

Apa yang mengejutkan, jumlah tersebut adalah 14 kali ganda lebih tinggi berbanding mereka yang mengambil dadah melalui perkongsian jarum suntikan yang sebelum ini dikatakan sebagai punca utama kepada penularan virus tersebut (Utusan Online, 2 Ogos 2018).

Kegiatan yang bermula sebelum abad ke 19 ini menjadi semakin rancak di abad ke 21 sehinggakan kumpulan ini semakin berani tampil ke hadapan untuk mempertahankan hak mereka. Apa yang membimbangkan terdapat 23 buah negara yang telah mengiktiraf hak golongan LGBT ini diterima di sisi undang-undang negara mereka di mana golongan LGBT ini mempunyai hak yang sama sebagai rakyat secara umum.

Sebagai contoh, hak berkahwin, hak berkeluarga, hak untuk mendapatkan pekerjaan, hak untuk mengambil bahagian dalam kehidupan budaya dan hak-hak lain seperti masyarakat normal (Zusy Aryanti, 2016).

Walaupun Malaysia masih tetap berpegang teguh terhadap Perlembangan dan undang-undang negara di mana tidak akan sama sekali membenarkan perkahwinan sejenis diterima masuk ke

negara ini memandangkan ia bertentangan dengan ajaran agama Islam yang merupakan agama rasmi di Malaysia namun, ternyata isu LGBT semakin rumit.

Menurut keratan akhbar tempatan, gejala LGBT di negara ini semakin membimbangkan kerana turut membabitkan golongan pelajar di mana pada tahun 2017, jumlah yang ketara turut melibatkan kumpulan pelajar yang mencatatkan sebanyak 247 kes baharu pengidap HIV/AIDS yang dijangkiti melalui hubungan seks songsang (Utusan Online, 2 Ogos 2018).

Perkara ini amat membimbangkan kerana golongan pelajar khususnya mereka yang berada di Institut Pengajian Tinggi (IPT) adalah merupakan aset dan bakal pewaris masa depan negara. Oleh itu, hal ini perlu dipandang serius kerana perlakuan LGBT mampu merosakkan masa depan negara.

Berdasarkan Teori Psikoseksual oleh Sigmund Frued (1856-1939) terdapat lima tahap dalam perkembangan psikoseksual di peringkat kanak-kanak iaitu *oral, anal, phallic, latency dan genital*. Freud percaya bahawa keperibadian seseorang berkembang melalui perkembangan mereka di zaman kanak-kanak.

Di awal perkembangan kanak-kanak memberi pengaruh besar dalam pembentukan peribadi dan kemudiannya mempengaruhi perilaku seseorang. Sekiranya tahap-tahap psikoseksual selesai dengan memuaskan maka akan menghasilkan bentuk keperibadian yang positif.

Sebaliknya jika terdapat gangguan pada tahap tertentu maka ia akan memberi kesan kepada karektor dan perilaku di kemudian hari. Malah Frued mengatakan kegagalan seseorang mencapai kepuasan pada mana-mana tahap perkembangan psikoseksual akan membuatkan individu itu akan taksub (*obsessed*) pada tahap tersebut. Teori ini dapat dikaitkan dengan isu LGBT terutama apabila berlaku gangguan pada tahap ketiga (*phallic*) dalam perkembangan seksual kanak-kanak.

Justeru, objektif kajian ini

dijalankan adalah untuk meneroka faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dalam LGBT. Ini penting bagi memastikan langkah dan tindakan yang sewajarnya dapat diambil bagi mengelakkan penyakit sosial ini semakin berleluasa.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kajian kualitatif dengan menggunakan fenomenologi sebagai reka bentuk kajian. Menurut Siti Uzairiah (2017), penyelidikan kualitatif adalah cenderung untuk menghasilkan data yang kaya dengan informasi tetapi kompleks kerana ia perlu ditafsir menurut pemahaman dari teori (kajian literatur) yang dibuat oleh penyelidik pada awal kajian. Ia memberi penumpuan kepada pemahaman dan penerangan yang jelas serta mendalam ke atas sesuatu isu yang dikaji dan bukan berdasarkan ukuran atau pengiraan.

Pemilihan informan adalah dengan menggunakan teknik persampelan bola salji (*snow ball sampling*) dan teknik pengumpulan data yang digunakan adalah temu bual mendalam secara bersemuka dengan lima orang mahasiswa IPTA di Lembah Klang yang terlibat dengan tingkah laku LGBT.

Dalam proses pengumpulan data, penyelidik telah menggunakan panduan soalan terbuka (*open ended questions*). Antara soalan yang dikemukakan mejurus kepada persoalan kajian iaitu apakah faktor-faktor yang mempengaruhi informan terlibat dalam LGBT. Penyelidik turut merujuk kepada sorotan literatur dalam membina soalan terbuka dan soalan tambahan (*prompt question*).

Walau bagaimanapun kesemua soalan yang dibina adalah sebagai panduan soalan kepada penyelidik. Sebaliknya ketika temu bual dijalankan, penyelidik turut mengemukakan soalan-soalan spontan yang terbit dari jawapan yang diberikan oleh informan bagi mendapatkan data yang kaya dan mendalam.

Di awal proses pengumpulan data penyelidik telah menetapkan bilangan sampel adalah antara lima hingga tujuh orang informan, namun setelah menemu bual informan ke empat, penyelidik telah berpuas hati dengan maklumat yang diperolehi kerana ia telah meliputi semua dimensi yang dikehendaki.

Oleh itu, penyelidik seterusnya melakukan temu bual ke lima bagi mengesahkan tiada penemuan atau tema baru terhasil daripada temu bual yang dijalankan. Bilangan sampel kajian dianggap telah mencapai tahap ketepuan (*saturation point*) data dan diyakini telah mencukupi dari segi maklumat yang diperolehi dengan jumlah sampel sebanyak lima orang mahasiswa IPTA yang terlibat dengan aktiviti LGBT.

Data yang diperolehi seterusnya dianalisis menggunakan analisis tematik seperti mana yang disarankan oleh Braun dan Clarke (2006) di mana ia meliputi lima proses utama yang dilakukan oleh penyelidik iaitu pertama membiasakan diri dengan data di mana penyelidik membaca kesemua data untuk mendapatkan kefahaman yang menyeluruh terhadap maklumat yang diperolehi daripada temu bual yang dijalankan. Keduanya menghasilkan kod awal di mana kod ini dikenalpasti dengan melihat kepada kata kunci, frasa serta ayat yang secara langsung menunjukkan idea, pandangan dan konsep yang menjawab kepada soalan kajian.

Ketiganya, mencari tema di mana proses mengurus data bermula dengan kod yang hampir sama membentuk satu tema dan seterusnya diletakkan bersama dalam satu jadual. Tema awal mula terbentuk berdasarkan kesamaan kod-kod yang telah dikenalpasti. Langkah keempat mengkaji tema di mana penyelidik perlu memastikan ia mencerminkan konsep idea bagi setiap tema.

Pada peringkat ini sebahagian tema dihapuskan, diasingkan, ditakrifkan semula atau dinamakan dengan lebih tepat. Akhir sekali penyelidik mentakrif dan menamakan semula tema. Rumusan

metodologi adalah seperti rajah 1.0 berikut:

**Rajah 1.0: Rumusan Metodologi Kajian**

Kaedah kajian	Kualitatif
Reka bentuk kajian	Fenomenologi
Persampelan kajian	Bola salji
Bilangan informan	5 orang informan
Teknik pengumpulan data	Temubual mendalam
Instrumen kajian	Panduan soalan (Soalan terbuka)
Analisis kajian	Analisis tematik

**DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN**

Jadual 2.0 di bawah menunjukkan demografi bagi lima orang informan yang terlibat dalam kajian ini. Informan berumur antara 21 hingga 26 tahun. Dua daripada informan mengakui mereka adalah gay, dua orang adalah *transgender women* (lelaki berkeinginan menjadi wanita) dan seorang informan mengakui biseksual.

Kesemua informan adalah lelaki beragama Islam. Bagi tahap pengajian pula, seramai empat orang informan sedang menuntut di peringkat ijazah sarjana muda dan seorang di peringkat sarjana. Kesemua informan berasal dari negeri yang berbeza, masing-masing Pahang, Perak, Kelantan, Sarawak dan Kuala Lumpur.

**Jadual 2.0: Demografi Informan**

Nota:

\* *biseks* = biseksual

\* *tranG* = *transgender*

Informan (Identiti)	Umur	Peringkat pengajian	Asal
1 (gay)	23	Sarjana Muda	Pahang
2 (gay)	25	Sarjana	Perak
3 (biseks)	22	Sarjana Muda	Kelantan
4 (tranG)	21	Sarjana Muda	Sarawak
5 (tranG)	26	Sarjana Muda	Kuala Lumpur

Hasil kajian yang dijalankan mendapati terdapat sembilan faktor yang mempengaruhi informan terlibat dalam LGBT iaitu personaliti semulajadi, orientasi peranan seksualiti semasa kecil, sokongan material, ketagihan kesan daripada pengalaman mengalami gangguan seksual, pengaruh rakan sejenis, kurang perhatian dan kawalan ibu bapa, kurang kefahaman ilmu agama dan akhlak Islamiah, faktor kesunyian dan faktor terakhir adalah bagi memenuhi keinginan seksual yang tinggi. Setiap satu faktor dibincangkan seperti berikut.

**(1) Personaliti Semulajadi**

Hasil kajian mendapati majoriti informan mengakui personaliti *semulajadi* yang lembut, feminin dan naluri tertarik kepada lelaki telah mempengaruhi mereka terlibat dalam LGBT. Personaliti berkait rapat dengan perlakuan tingkah laku seseorang di mana ia menentukan cara individu bergaul dengan orang di sekelilingnya.

Menurut informan kedua, dia memiliki personaliti lembut sejak kecil walaupun ketika itu informan belum mengetahui tentang kecenderungannya terhadap golongan sejenis.

Berikut merupakan petikan temu bual informan berhubung perkara ini:

*"I memang lembut sejak kecil lagi tapi masa tu takda lah tahu or berminat dengan golongan sejenis ni, kecik lagi kan masa tu tapi ini lah diri I .. sejak dulu lagi"* (Informan 2).

Begitu juga dengan informan keempat yang menyatakan sejak kecil telah memiliki perwatakan lembut. Manakala informan kelima mengakui selain berpewartakan feminin dia juga minat terhadap lelaki kacak sepertimana yang dinyatakan dalam petikan temu bual berikut;

*"Saya dari kecil dah lembut macam ni, tak tahu kenapa, saya rasa ini lah diri saya.. memang tak boleh nak tukar dah"* (Informan 4).

*"Masa kecik saya memang lembut, saya memang ada perwatakan feminin sikit"*

sejak zaman dulu lagi, saya memang suka tengok lelaki handsome” (Informan 5).

Secara amnya, personaliti boleh diertikan sebagai susunan pola tingkah laku manusia yang disesuaikan dalam situasi kehidupan mereka. Malah menurut Huffman (2007), personaliti adalah corak pemikiran, perasaan dan tindakan unik semulajadi individu.

Keperibadian menggambarkan seseorang itu berbeza daripada individu lain dan corak tingkah laku yang menjadi kebiasaan individu tersebut adalah hasil pembelajaran sosial dari persekitaran dan ada yang mengatakan ia turut dipengaruhi oleh interaksi kompleks antara genetik dan hormon tanpa melihatnya sebagai pilihan individu tersebut (Lamanna, Riedmann & Stewart, 2014).

## **(2) Orientasi Peranan Seksualiti Semasa Kecil**

Selain itu, hasil kajian mendapati orientasi peranan seksualiti semasa kecil turut mempengaruhi informan terlibat dalam LGBT. Informan mengakui salah peranan seksualiti sewaktu zaman kanak-kanak dan persekitaran yang mempengaruhi gaya hidup yang berbeza daripada jantina asal mereka telah menyebabkan mereka mengalami kecelaruan identiti gender sehingga terjebak dalam LGBT.

Ini selari dengan Teori Pembelajaran Sosial oleh Albert Bandura di mana tingkahlaku seseorang individu adalah terhasil daripada pengaruh dan hasil pembelajaran dari persekitaran individu dibesarkan. Menurut informan keempat sejak kecil dia rapat dengan adik beradik perempuan dan sering main bersama dengan peralatan dan permainan perempuan seperti solekan dan anak patung sehingga dia merasakan dia juga adalah perempuan. Berikut merupakan pernyataan informan berhubung perkara tersebut:

*“Saya lebih rapat dengan adik beradik perempuan, saya suka bermain dengan mereka, main masak-masak, main anak patung, main make up-make up dan saya selesa bersama mereka sehinggakan saya merasakan saya juga perempuan sama*

*seperti mereka”* (Informan 4).

Manakala informan kelima menyatakan ibunya sering memakaikan pakaian dan aksesori perempuan serta menyimpan rambut seperti perempuan sewaktu beliau kecil sepertimana yang dinyatakan dalam petikan temu bual berikut:

*“Masa I kecil, mak memang pakaikan pakaian perempuan pada I. Pakaikan barang kemas dan simpan rambut panjang”* (Informan 5).

Dalam Teori Pembelajaran Sosial, Albert Bandura menyatakan tingkah laku individu adalah terhasil daripada pembelajaran dan pengalaman dari persekitaran yang dilihat dan dipelajari (Kusnawa, 2014).

Merujuk kepada kajian ini, apa sahaja pengalaman dan pembelajaran yang dilihat dan dialami oleh informan sewaktu zaman kanak-kanaknya difahami sebagai input (pengetahuan dan nilai) yang kemudiannya diterjemahkan menjadi output iaitu pola tingkah laku yang ditampilkan.

Sejak kecil informan dibesarkan dengan pergaulan bersama perempuan, permainan dan pemakaian perempuan sehingga timbul keinginan dalam jiwanya untuk menjadi perempuan walaupun bercanggah dengan orientasi seks sebenar yang dimiliki. Kesannya berlaku kekeliruan gender disebabkan ketidakserasian antara kelamin biologi dengan identiti gender akibat pengaruh daripada persekitaran (Neh Mah Batri et al., 2016).

Daripada perspektif Teori Psikoanalisis berdasarkan Sigmund Freud menjelaskan bahawa faktor LGBT adalah disebabkan oleh perkembangan jantina yang diproses secara tidak sedar yang terhasil daripada interaksi perbezaan biologi dan proses identifikasi yang dialami oleh lelaki mahupun perempuan.

Freud turut menjelaskan bahawa faktor biologi dan persekitaran (bagaimana ibu bapa melayani anak-anak) adalah turut berperanan dalam

menentukan perkembangan jantina seseorang kanak-kanak (Jas Laile, 2002).

Perspektif psikologikal juga menghubungkan sesuatu tingkah laku dengan cara seseorang dididik dan diasuh semenjak bayi hingga remaja dan dewasa. Segala tingkah laku yang diajar dalam sesebuah keluarga akan memberi kesan kepada perkembangan kanak-kanak tersebut. Ini kerana cara ibu bapa mendidik dan membentuk peribadi boleh mempengaruhi identiti, peranan dan orientasi gender anak-anak mereka (Mohd Tajudin, 2003).

### (3) Sokongan Material

Dapatan kajian juga mendapati sokongan material sebagai faktor yang mempengaruhi informan terlibat sebagai LGBT. Sokongan material berbentuk wang dan kehidupan mewah dan selesa yang diterima menyebabkan informan lebih teruja dan kekal menjadi LGBT. Ini dilakukan bagi menampung kehidupan dan pengajian informan di IPTA.

Berikut merupakan petikan temu bual informan berhubung perkara ini:

*“Transgender macam saya ni tak perlu susah-susah, sebab sepanjang study kat uni, banyak Dato’ yang jaga saya, jumpa mereka kat club. Ada yang kawan-kawan kenalkan..mereka bagi saya duit, macam-macam saya dapat dari mereka. Bayar yuran, shopping dan kehidupan saya memang mewah.. Sekarang foreingner yang kaya-kaya pula sponser hidup saya. Mungkin sebab tu saya lebih senang jadi transgender.. dah hidup senang kenapa nak pilih hidup susah”* (Informan 5).

Menurut informan kemewahan dan sokongan material yang diperoleh adalah daripada mereka yang berpangkat dan mempunyai kewangan yang kukuh. Jadi tidak hairanlah kehidupan informan mewah dan segala keinginan material dapat dipenuhi dan seterusnya menjadikan informan selesa dengan cara kehidupan yang diamalkan walaupun ia bercanggah dengan norma masyarakat.

Ini selari dengan Teori Psikoanalitik di mana menurut Sigmund Freud, struktur personaliti iaitu *id*, ego

dan *superego* menentukan tindakan seseorang individu. Refleks kepada kajian ini, *id* mendesak untuk mendapatkan kemewahan, manakala *ego* mengawal minda bawah sedar dan *superego* membenarkan mereka melakukan perkara tersebut bagi memenuhi kehendak *id* walaupun bercanggah dengan nilai dan norma masyarakat.

### (4) Ketagihan Kesan Pengalaman Mengalami Gangguan Seksual

Hasil kajian turut mendapati kesan pengalaman menjadi mangsa gangguan seksual adalah faktor kepada penglibatan informan sebagai LGBT. Informan menyatakan pengalaman mengalami gangguan seksual ketika di bangku persekolahan merupakan titik permulaan kepada penglibatan informan dalam LGBT.

Informan takut untuk berkongsi pengalaman yang dilalui sehingga akhirnya menerima perlakuan tersebut sebagai sebahagian daripada kehidupannya.

Berikut merupakan pernyataan informan berhubung perkara tersebut:

*“Pengalaman pertama i adalah masa form 1, first time tu memang terkejut, senior form 3 datang tengah malam kat doom I pastu dia kissing, masa tu rasa nak menjerit tapi takut then dia paksa I, ambik tangan I letak kat dia punya. Dia paksa I bukak mulut dan dia gigit telinga, dan dia buat oral seks.. Mula-mula tu I rasa takut sangat tapi tak berani nak bagitau kat siapa-siapa sampai kejadian tu berulang.. lama-lama I dah rasa okay dan terima benda tu sebagai part of my life. Sekarang ni bila dah further study I dah ketagih. Bila tak dapat I yang cari mangsa”* (Informan 1).

Dapatan ini selari dengan Neh Mah Batri et al. (2016), yang mendapati pengalaman mengalami deraan dan gangguan seksual semasa kanak-kanak terutama sekiranya ia adalah pengalaman seksual pertama merupakan penyebab yang kuat terhadap tingkah laku homoseksual apabila individu tersebut menjadi dewasa.

Ia melibatkan proses pertumbuhan dan perkembangan kognitif yang bercelaru sehingga individu tersebut lebih cenderung kepada kaum sejenisnya. Oleh itu, jelas kesan pengalaman mengalami gangguan seksual turut mempengaruhi informan dalam tingkah laku LGBT.

### **(5) Pengaruh Rakan Sejenis**

Selain itu, kajian mendapati pengaruh rakan sejenis juga antara faktor yang mempengaruhi informan terlibat dalam LGBT. Menurut informan terdapat ramai rakan sejenis yang terlibat dengan aktiviti LGBT di universiti tempat pengajiannya dan mereka sering bercerita sehingga informan terpengaruh untuk terlibat sama dalam aktiviti tersebut.

Berikut merupakan petikan temu bual informan berhubung perkara ini:

*“Dekat my uni memang ramai pun LGBT, saya sendiri start terlibat bila kawan saya selalu cerita tentang apa yang dia buat hingga saya rasa nak mencuba, dia suruh saya ambil hormon, kenalkan dengan Dato’. Semua tu kawan yang ajar.. Tapi saya tak salah kan dia sebab bagi saya mereka (rakan LGBT) ni ja yang faham apa yang saya nak dan perlukan”* (Informan 4).

Menurut informan, pengaruh rakan sejenis adalah pengaruh yang diperoleh dari rakan-rakan yang mempunyai personaliti yang sama dengan mereka kerana bagi informan, rakan jenis ini amat memahami apa yang mereka inginkan.

Walau bagaimanapun, Shaffer (2002) menyatakan kecelaruan gender berlaku apabila pihak yang signifikan seperti rakan gagal membantu individu untuk mengekalkan jantina yang sebenar. Malah Teori Pembelajaran Sosial turut menjelaskan rakan turut memainkan peranan dalam menentukan perkembangan peranan jantina seseorang di mana akan berlaku proses pertumbuhan kognitif yang tidak sihat iaitu perbuatan yang ditimbulkan sama ada baik atau sebaliknya adalah hasil dari pengaruh dan paksaan rakan-rakan

tanpa seseorang itu menyedari impak disebalik perbuatan mereka itu.

Malah Byrd dan Stony (2001) dalam kajian yang dijalankan turut bersetuju dengan mengatakan bahawa homoseksual atau LGBT berlaku adalah dipengaruhi oleh rakan.

### **(6) Kurang Perhatian dan Kawalan Ibubapa**

Seterusnya informan mengakui faktor terlibat dengan LGBT juga adalah disebabkan kurang perhatian dan kawalan dari ibu bapa kerana tidak tinggal bersama keluarga dan berada di universiti. Hal ini menyebabkan mereka bebas untuk melakukan apa sahaja tanpa pengetahuan dan kawalan ibu bapa dan ahli keluarga.

Berikut merupakan pernyataan informan berhubung perkara tersebut:

*“I rasa mak I macam perasan perubahan pada diri I ni tapi dia macam buat tak tahu, mungkin sebab I tak duduk dengan mereka kot, balik pun sekali sekala ja. My parent sebenarnya garang dan tak open minded, tapi bila I duduk jauh.. Diaorang tak tahu dan tak boleh control pun apa yang I buat kat Universiti. Duduk sini (universiti) best, tiada siapa boleh control kita, bebas nak buat apa pun. Mungkin itu pun punca I jadi macam ni”* (Informan 1).

*“Bila dah belajar kat Uni. Jauh dari family. Parents pulak jarang contact mungkin mereka sibuk dengan kerja mereka dan mungkin sebab saya lelaki kot. So diaorang tak kesah sangat.. Even mereka pun tak tahu apa yang saya buat sekarang kat sini”* (Informan 2).

Menurut informan apabila tinggal berjauhan daripada ibu bapa membuatkan informan bebas untuk melakukan apa sahaja tanpa kawalan. Ini dijadikan peluang oleh informan untuk melakukan apa sahaja tanpa pengetahuan ibu bapa mereka sehingga terjebak dalam LGBT.

Menurut Schumm (2010), kurang komunikasi dengan ibu bapa menyumbang kepada masalah homoseksual. Kesibukan ibu bapa dan kurang masa yang diluangkan dengan



anak menyebabkan mereka mencari perhatian dan kasih sayang dari hubungan sejenis. Faktor ini dilihat memberi kesan terhadap perkembangan remaja LGBT.

Ibu bapa sememangnya memainkan peranan yang penting dalam perkembangan anak remaja kerana di peringkat umur sedemikian mereka memerlukan seseorang untuk berkongsi perasaan dan masalah mereka. Namun, sekiranya ibu bapa tidak memberikan perhatian menyebabkan remaja mencari jalan alternatif lain.

Begitu juga dengan kajian Arieff dan Wardah (2006), mendapati ibubapa yang sibuk bekerja boleh menyebabkan hubungan antara anak dan ibubapa menjadi renggang. Kesibukan ibubapa akan menyebabkan anak akan menghabiskan banyak masa bersama rakan hingga boleh mengundang mereka terjebak untuk melakukan perkara yang boleh merosakkan akhlak.

Oleh itu, jika kurang interaksi dalam sesebuah keluarga, maka kasih sayang juga sukar dibentuk menyebabkan ahli keluarga akan melibatkan pihak luar untuk mendapatkan kasih sayang yang diperlukan (Nichols, 2014). Ini menyebabkan mereka yang kurang mendapat kasih sayang daripada ibu bapa akan mencari kekosongan tersebut daripada pasangan sejenis mereka.

### **(7) Kurang Kefahaman Ilmu Agama dan Akhlak Islamiah**

Hasil kajian turut mendapati kurang kefahaman ilmu agama dan akhlak Islamiah adalah punca kepada penglibatan informan dalam LGBT. Peminggiran terhadap pendidikan agama menyebabkan informan hilang panduan dalam kehidupan.

Apabila kurang didikan agamanya, maka mereka akan terdorong untuk melakukan sesuatu yang bertentangan dengan ajaran agama seperti hubungan songsang ini walaupun mereka sedar apa yang dilakukan itu salah dari segi agama.

Berikut merupakan petikan temu bual informan berhubung perkara ini:

*“Saya sedar apa yang saya buat ni salah di sisi agama Islam tapi saya tak berdaya... saya tak boleh tipu diri saya sendiri, saya selesa hidup macam ni walaupun saya tahu tak semua orang boleh terima cara saya ni”* (Informan 2).

*“Memang I mengaku iman I tak kuat macam orang lain, tu sebab I jadi macam ni tapi ntah lah .. I tahu apa yang I buat ni salah dari segi agama tapi I yang pilih jalan hidup I begini. I tak kuat. So I reda. Doa jer lah yang baik-baik untuk I ye”* (Informan 4).

Ternyata kelemahan dalam amalan agama turut menyumbang kepada gejala sosial ini. Ia berlaku disebabkan oleh individu tidak mempunyai pegangan yang kukuh terhadap larangan yang dinyatakan oleh agama masing-masing (Linndicho et al. 2014).

Malah wujud persepsi bahawa ia merupakan takdir yang telah ditetapkan oleh tuhan sebaliknya meneruskan perbuatan terlarang tersebut tanpa ada usaha untuk melawan atau mengubah persepsi tersebut (Bergin & Smith, 2002).

Bahkan LGBT jika dilihat dari sudut psikologi adalah sesuatu kejadian yang melibatkan keinginan manusia yang berpunca dari faktor diri sendiri dan tidak mampu dibantu tanpa ada kesedaran dari individu tersebut sepertimana yang ditegaskan oleh Allah S.W.T dalam al-Quran yang bermaksud: *“Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila Allah mengkehendaki untuk menimpakan kepada sesuatu kaum bala bencana (disebabkan kesalahan mereka sendiri), maka tiada sesiapa pun yang dapat menolak atau menahan apa yang ditetapkanNya itu, dan tidak ada sesiapa pun yang dapat menolong dan melindungi mereka selain daripadaNya”* (al Quran. Al-Ra’d: 11).

Malah kajian yang dijalankan oleh Ahmad et al. (2015) turut

mendapati, amalan keagamaan yang rendah merupakan salah satu faktor yang mendorong kepada penglibatan dalam tingkah laku LGBT. Kurang pegangan terhadap agama menyebabkan mereka akan terbabas daripada batas norma kehidupan seorang manusia. Hal ini jelas menunjukkan kurang kefahaman ilmu agama dan akhlak Islamiah telah menyumbang kepada penglibatan informan dalam gejala LGBT.

### **(8) Faktor Kesunyian**

Selain itu, faktor kesunyian juga dikenalpasti sebagai punca kepada penglibatan informan dalam tingkah laku LGBT. Kesunyian yang dialami adalah kerana tidak mempunyai kawan mahupun teman wanita, dan tinggal bersendirian tanpa rakan sebilik di kolej kediaman mahupun bilik sewa (luar kampus).

Kesunyian yang pada awalnya dipenuhi dengan aktif di laman sosial akhirnya membawa informan terjebak dalam kumpulan gay atas talian dan seterusnya memuat turun aplikasi gay untuk mencari teman atau pasangan bagi memenuhi kesunyian yang dialami.

Berikut merupakan pernyataan informan berhubung perkara tersebut: *“Kat Uni memang saya sorang, takda best friend, girlfriend jauh sekali lah..memang takda. So saya rasa sunyi..awalnya saya banyak habis masa bersosial di laman sosial. End up saya jumpa group gays dan saya terus install aplikasi Grindr (Gay chat) untuk cari pasangan gays.. tak sangka senang dapat partner. Nak ngorat perempuan susah sangat semua demand so saya cuba lah ngorat lelaki tak sangka lagi senang dapat. So sejak tu hidup saya dah tak sunyi lagi”* (Informan 2).

Menurut informan setelah bertemu dengan pasangan sejenis yang dikenali melalui aplikasi atas talian, ia telah mengubah kehidupannya di mana informan mengaku kini tidak lagi berasa sunyi. Persefahaman yang baik di antara pasangan sejenis meningkatkan lagi perhubungan mereka.

Menurut Gottman et al. (2003), pasangan homoseksual lebih

menunjukkan ekspresi emosi yang positif berbanding pasangan heteroseksual dalam menyelesaikan konflik kerana wujud persefahaman yang tinggi antara mereka.

### **(9) Bagi Memenuhi Keinginan Seksual Yang Tinggi**

Informan mengakui keinginan seksual yang terlampau tinggi menyebabkan informan menginginkan kepuasan dalam menjalinkan hubungan seks walaupun sedar belum berkahwin dan masih menuntut di universiti.

Berikut merupakan petikan temu bual informan berhubung perkara ini:

*“Jujur saya katakan naluri seks saya memang tinggi dan saya ni jenis cepat terangsang ..ntah tak tahu kenapa..mula-mula dulu saya hanya bergurau dengan kawan lelaki saya. Lepas tu main cuit-cuit barang pastu terus rasa macam teringin dan macam seronok pula, susah nak kawal. Masa tu pulak kawan saya layankan saya.. sejak tu kami berdua mula terlibat dalam MSM sebab dia pun jenis macam saya jugak”* (Informan 3).

*“Saya memang ada partner baru sekarang.. hubungan kami memang lebih dari seorang kawan.. kami tinggal bersama di luar kampus. Kami hidup macam pasangan suami isteri sebab kami dah janji untuk saling memenuhi keperluan seksual masing-masing”* (Informan 2).

Faktor pasangan sejenis yang memahami keperluan dan keinginan seks yang dikehendaki dan diperlukan menyebabkan informan berasa selesa dengan gaya kehidupan yang dijalani. Sikap pasangan sejenis yang memahami dan saling memenuhi keperluan masing-masing (keperluan seks) telah menjadi peneguhan kepada informan untuk meneruskan perhubungan songsang mereka.

Reis et al. (2000) menyatakan persefahaman yang wujud dalam perhubungan akan menjadikan perhubungan tersebut lebih positif dan berkualiti kerana masing-masing berusaha untuk memenuhi keperluan

masing-masing. Hal ini menyebabkan golongan LGBT masih meneruskan perhubungan songsang mereka bagi memenuhi keinginan seksual daripada pasangan mereka.

### CADANGAN

Bedasarkan faktor-faktor yang telah dibincangkan, beberapa langkah dapat dicadangkan. Antaranya, kajian telah mendapati antara faktor penglibatan mahasiswa dalam aktiviti LGBT bermula dari zaman persekolahan.

Perkara ini perlu diambil serius oleh pihak sekolah seperti memantau dan membantu pelajar yang berpotensi atau cenderung ke arah LGBT untuk diberikan kaunseling individu atau kaunseling kelompok kepada individu yang telah dikenalpasti dan intervensi perlu berfokuskan kepada sistem kepercayaan, tingkahlaku dan menangani perasaan dalaman individu keclaruan identiti gender ini.

Selain itu, kempen kesedaran seperti “*Say No To LGBT*” yang menekankan kepada kesan negatif dari segi risiko kepada HIV/AIDS, kesan terhadap kesihatan mental dan kesan psikososial dari aktiviti LGBT juga perlu didedahkan. Sekiranya masalah ini tidak dibendung di peringkat sekolah, ia akan memberi impak yang sangat ketara terhadap peningkatan golongan LGBT di Institut Pengajian Tinggi (IPT).

Di peringkat IPT juga, pelbagai program yang bertujuan mencegah dan menghalang aktiviti LGBT harus dipergiatkan. Ini dapat dilakukan dengan usahasama dengan pihak kerajaan melalui Jabatan Kesihatan, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), NGO berkaitan dan komuniti setempat.

Pelbagai program yang bersifat santai namun menyelitkan mesej hindari perlakuan LGBT dan pendidikan seksualiti perlu diperbanyakkan agar aktiviti LGBT difahami sebagai gaya hidup yang tidak sihat dan memudaratkan diri, masyarakat dan negara.

Tindakan Malaysia untuk tidak membenarkan perkahwinan sejenis

diterima masuk ke negara ini perlu dipertahankan dengan berpegang teguh kepada prinsip Perlembangan dan undang-undang negara di mana ia bertentangan dengan ajaran agama Islam yang merupakan agama rasmi di Malaysia.

### PENUTUP

Kesimpulannya, daripada kajian yang dijalankan terdapat sembilan faktor yang mempengaruhi informan terlibat dalam LGBT iaitu personaliti semulajadi, orientasi peranan seksualiti semasa kecil, sokongan material dan ketagihan kesan daripada pengalaman mengalami gangguan seksual.

Selain itu, pengaruh rakan sejenis, kurang perhatian dan kawalan ibu bapa, kurang kefahaman ilmu agama dan akhlak Islamiah, faktor kesunyian dan bagi memenuhi keinginan seksual yang tinggi juga dikenalpasti sebagai faktor yang mempengaruhi penglibatan mahasiswa IPTA terlibat dalam gejala LGBT.

Dapatan ini diharap akan dapat membantu profesion menolong yang berkaitan seperti pekerja sosial, kaunselor, pegawai psikologi dan pihak berkaitan untuk memahami punca dan faktor mahasiswa terlibat dalam LGBT dan seterusnya merangka intervensi khusus yang bersesuaian bagi mencegah gejala LGBT di Malaysia khususnya di Institusi Pengajian Tinggi. Ini penting bagi membenters penyakit sosial ini dari terus merebak hingga merosakkan masa depan pewaris negara.

Oleh itu, intervensi yang dirangka perlu bersifat holistik bagi menyantuni golongan LGBT ke arah kehidupan yang lebih sejahtera sekaligus menjamin kesejahteraan individu, keluarga, masyarakat dan negara.

### RUJUKAN

Ahmad, M.I., Haikal Anuar, A., Abd Satar, J., Wan Shahrazad, W. S., Wan Azreena, J., Zainal Abidin, J. & Wan Mohd Zain, W. M. S. 2015. *Faktor Dan Cara Gaya Hidup Serta Kemungkinan Kembali Pulih Dalam Kalangan Lesbian: Satu Kajian Kes.*

- Journal of Social Sciences and Humanities, 10 (1), 001-015.
- Arieff, S.R. & Wardah, M. 2006. *Membentuk Jati Diri Remaja*. Bentong: PTS Professional Publishong Sdn, Bhd.
- Bergin, H. & Smith, S. (Eds). 2002. *Spirituality in Aotearoa New Zealand: Catholic Voices*. Auckland: Accent Publications.
- Braun, V. & Clarke, V. 2006. *Using Thematic Analysis In Psychology*. Qualitative Research in Psychology, 3(2), 77-101.  
doi:10.1191/1478088706qp063oa
- Byrd, A. D. & Stony, O. 2001. *Homosexuality: Innate and Immutabile*. HeinOnline.14 Regent.U.L.Rev. 383-422.
- Gottman, J.M., Levenson, R. W., Swanson, C., Swansin, K., Tyson, R., & Yoshimoto, D. 2003. *Observing Gay, Lesbian And Hetrosexual Couple's Relationship: Mathematical Modelling Of Conflict Interaction*. Journal of Homosexuality, 45, 65-91.
- Huffman, K. 2007. *Psychology in Action*. 8<sup>th</sup> Ed. USA: John and Wiley.
- Jas laile Suzana Jaafar. 2002. *Psikologi Kanak-kanak dan Remaja*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kuswana, W. S. 2014. *Biopsikologi, Pembelajaran Perilaku*. Bandung: Alfabeta.
- Lamanna, M. A., Riedmann, A. & Stewart, S. D. 2014. *Marriages, families, and relationships: Making Choices In A Diverse Society*. Cengage Learning.
- Londicho, L. C., Aliwalas, G. M. R., Bueneverta, M. J. B. & Rodriguez, M. L. 2014. *Religiosity and attitudes towards homosexual among adolescent*. Asia Pacific Journal of Multidisciplinary Research, 2(3), 153-160.
- Mohd Tajudin. 2003. *Transeksualisme Dan Hubungan Dengan Kecelaruan Gender Dari Pespektif Psikologi*. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Transeksualiti. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Neh Mah Batri, Farawahida Mohd Yusof, Siti Norlina Muhamad, Ahmad Muhyuddin Hassan Mohd Nasir Ripin & Zulkiflee Haron. 2016. *Homoseksual: Antara Hukum dan Kemajuan Sains*. Sains Humanika, 8(4), 45-54.
- Nichols, M. P. 2014. *Family Theraphy: Concepts and Methods*. 10<sup>th</sup> Ed. Edinburgh Gate: Pearson Education Limited.
- Utusan Online (2 Ogos 2018). *LGBT Paling Ramai Hidup HIV*. <https://www.utusan.com.my/berita/nasional/lgbt-paling-ramai-hidup-hiv-1.720990>
- Schumm, W. R. 2010. *Children Of Homosexuals More Apt To Be Homosexuals? A Reply To Morrison And To Cameron Based On An Examination Of Multiple Sources Of Data*. Journal of Biosocial Sciences, 72, 721-742.
- Reis, H. T., Collins, A. A. & Berscheid, E. 2000. *Context of human behaviour and development*. Psychological Bulletin. 126(6), 844-872.
- Russo, F. 7 Januari 2017. *Where Transgender is no longer a diagnosis*. <http://www.cientificamerican.com>
- Shaffer, D. R. 2002. *Social and Personality Development*. United Stated of America: Wadsworth.
- Siti Uzairiah, M. T. 2017. *Kajian Kualitatif dan Analisis Temu bual*. Kuala Lumpur: Aras Publisher.
- Suhazeli Abdullah. 8 Ogos 2018. *Aktiviti Negatif LGBT Boleh Bawa Kemusnahan Negara*. <http://www.fb.com/drsuhazeli>.
- Zusy Aryanti, M. A. 2016. *Faktor Risiko Terjadinya LGBT Pada Anak Dan Remaja*. NIZHAM, Vol. 5, No. (1) 42-49.

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Perdana: International Journal of Academic Research tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*